

Raja Muda Selangor lancar 'Selangor Biotechnology Action Plan'

Berita Utama - 2



**Pelan Strategik UPM 2021-2025 dilancar, jadi pemangkin aspirasi pendidikan tinggi negara**

Fokus - 3

**Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang**

Expert Point of View - 10



PP10540/10/2012(031020)

[www.tribunputra.upm.edu.my](http://www.tribunputra.upm.edu.my)

## Graduates need to possess skills, good manners



By : Azman Zakaria  
Photo by : Noor Azreen Awang

SERDANG, Jan 12 : Tuanku Chancellor of Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Sharafuddin Idris Shah, has urged graduates to not only equip themselves for the job market but also have the skills to become active, responsible and trustworthy individuals with good manners who uphold ways of humane living.

Such graduates, said His Royal Highness, would bring blessings and prosperity to other people and the environment, ultimately ensuring a sustainable future.

"The success achieved is not only in terms of academics but also the personalities of graduates," said His Royal Highness at the 44th UPM Convocation Ceremony held at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Culture and Arts Centre.

His Royal Highness conferred the Doctor of Philosophy (Ph.D), Master's degrees, Bachelor's degrees, and Diplomas to 960 graduates at the 5th session of the Convocation Ceremony. His Royal Highness reminded the graduates to uphold the country's constitution and laws so that they are free from

misconduct that can tarnish the dignity of their families, nation, and country, thus becoming responsible citizens with high integrity.

His Royal Highness urged the graduates to keep their synergy with the alma mater, UPM, as a sign of gratitude for the sacrifices made by the university staff to realise the success of graduates, by contributing to the development of UPM students and helping the university to be on the right track in developing a knowledgeable and visionary generation.

While congratulating UPM, which celebrated 50th anniversary of its establishment as a university last year, His Royal Highness hoped the university would continue its track of excellence for the next 50 years with the spirit of solidarity among staff, students, and alumni.

His Royal Highness hopes the UPM Strategic Plan 2021-2025 launched last December would further strengthen the position and role of UPM as a 'Menara Ilmu'. He also expressed hope that the plan would be supported by all parties, including graduates who will become UPM alumni.

"UPM has shown tremendous improvement in the ranking of the best universities in the world, and I hope all parties can provide strong support so that UPM can realise its function and role entirely to the community and country," said His Royal Highness.

His Royal Highness also said that although the impact of COVID-19 was huge on the Higher Education Institutions (HEI), including UPM, which had to postpone the convocation ceremony last year, universities had vigorously embarked on measures to stop the pandemic. - UPM

**“ UPM has shown tremendous improvement in the ranking of the best universities in the world, and I hope all parties can provide strong support so that UPM can realise its function and role entirely to the community and country ”**



## HRH Tengku Amir Shah, Emeritus Prof. Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie appointed as new Pro-Chancellors

By : Azman Zakaria  
Photo by : Mohammad Izrul Abdul Jabar & Sabri Omar

SERDANG, Jan 12 - His Royal Highness the Raja Muda of Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah and Emeritus Prof. Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie Bardaie have been appointed as the new Pro-Chancellors of Universiti Putra Malaysia (UPM).

The announcement was made by the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, who is also UPM Chancellor, at the 44th UPM Convocation Ceremony held at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Culture and Arts Centre here.

His Royal Highness hoped the appointments would propel UPM's excellence to a higher level in the future.

Meanwhile, Academician Emeritus Prof. Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim was re-appointed as a Pro-Chancellor.

All the appointments are for three years, from October 18, 2021, to October 17, 2024. - UPM

## NOTA KETUA EDITOR

Tahun 2021 meninggalkan kita dengan pelbagai kisah suka dan duka. Meskipun negara masih lagi berada dalam era pandemik COVID-19, rata-rata masyarakat kita berusaha menjalani kehidupan dengan sebaik mungkin atas semangat keprihatinan dan empati yang tinggi. "Berat mata memandang, berat lagi bahu memikulnya".

Hujung tahun lalu, beberapa tempat di negara dilanda musibah banjir yang besar. Seperti IPT lain, Universiti Putra Malaysia (UPM) sentiasa cakna melestarikan program kesukarelawanan dalam kalangan staf dan pelajar di bawah panji Putra Bakti. Dalam musibah banjir yang melanda beberapa bahagian negeri pada Disember 2021 yang lalu, sebanyak lebih 60 misi bantuan banjir telah diatur gerak oleh

pelbagai Pusat Tanggung Jawab (PTJ) universiti melibatkan seramai hampir 2,000 sukarelawan staf dan pelajar.

Perkembangan mutakhir ini menyaksikan hubungan universiti dan masyarakat yang semakin akrab. Universiti perlu responsif dan cakna atas perkembangan luar yang berlaku seiring dengan motto "Berilmu, Berbakti". Bak kata pepatah, "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".

Kecemerlangan UPM sebagai sebuah Menara Ilmu diperteguh lagi dengan pelancaran Pelan Strategik UPM 2021-2025. Dokumen dan hala tuju universiti untuk lima tahun ini diharap dapat menjadi pemangkin UPM menjadi sebuah universiti yang benar-benar dapat memenuhi visi dan misi penubuhannya. Bersandarkan nilai teras iaitu Ihsan,



Kepelbagaian dan Kelestarian, UPM akan terus unggul menjadi sebuah gedung ilmu dan taman pemikiran yang membangunkan peradaban bangsa.

Pada masa sama, usaha menggema Al-Falah dari menara ilmu dalam kalangan warga UPM akan terus diperkisasakan lagi melalui Naratif Naib Canselor 2022 yang disampaikan oleh Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman.

Semoga 2022 memberikan kita lebih banyak kejayaan (al-Falah) dan kesejahteraan dari Menara Ilmu yang kita cintai ini.

## Raja Muda Selangor lancar 'Selangor Biotechnology Action Plan'

Oleh : Noor Eszereen Juferi  
Foto oleh : Noor Azreen Awang



**KUALA LUMPUR, 18 Nov** – Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan melancarkan Selangor Biotechnology Action Plan 2021-2030 sempena Selangor International Business Summit (SIBS) 2021.

Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Malaysian Biotechnology Information Centre (MABIC) dan Bioeconomy Corporation dilantik oleh Invest Selangor Berhad (ISB) sebagai perunding bagi pembangunan kertas polisi Selangor Biotechnology Action Plan 2021-2030 itu.

Timbalan Dekan (Jaringan Industri dan Masyarakat), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB), UPM, Prof. Ts. Dr. Hidayah Ariffin yang juga Pengurusan Projek perundingan itu berkata pemilihan UPM sebagai perunding merupakan satu pengiktirafan kepada pensyarah UPM.

"Kumpulan pensyarah UPM telah melalui proses pemilihan berperingkat yang melibatkan pembentangan kertas cadangan kepada Exco Selangor dan pihak pengurusan ISB. Kumpulan kami terpilih sebagai perunding bersama

dengan MABIC dan Bioeconomy Corporation yang merupakan pemain utama sektor Bioteknologi di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kertas polisi Selangor Biotechnology Action Plan 2021-2030 itu mengambil masa selama hampir dua tahun untuk dibangunkan, bermula dari penyediaan kertas cadangan sehingga kepada kelulusan di peringkat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang dipengerusikan Menteri Besar.

"Dalam masa dua tahun, pengumpulan maklumat dan pengenalpastian ekosistem Bioteknologi dijalankan di Selangor melibatkan pelbagai kaedah seperti tinjauan literasi, survei di kalangan pemegang taruh, focused group discussion (FGD) bersama pemain sektor Bioteknologi dalam dan luar negara, dan gap analysis.

"Pelancaran ini merupakan detik berasih untuk kumpulan kami. Diharapkan ia akan memberi manfaat kepada rakyat Selangor khususnya dan rakyat Malaysia amnya," katanya.

Perunding UPM yang terlibat adalah dari FBSB dan Sekolah Perniagaan

dan Ekonomi (SPE), UPM, diketuai oleh Prof. Dato' Dr Mohd Ali Hassan diikuti Prof. Datuk Paduka Dr Khatijah Yusoff, Prof. Madya Dr Mohd Zulkhairi Mohd Yusoff, Prof. Madya Dr Mohd Rafein Zakaria, Prof. Madya Dr Norhayati Ramli, Prof. Madya Dr Mohammad Faizal Ibrahim, Dr. Ahmad Muhammin Roslan, Dr Ezyana Kamal Bahrin, Dr. Tengku Arisyah Tengku Yasim-Anuar; Dr. Farah Nadia Mohammad Pardzil, Prof. Dr Shauqie Fahmi Ahmad Sidique (SPE); Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman (SPE) dan Dr Noor Azlin Ismail (SPE).

Prof. Ts. Dr. Hidayah berkata, pelan tindakan itu merangkumi komitmen kerajaan negeri dan aspirasi untuk menjadikan Selangor sebagai Hub Bioteknologi dan Bioekonomi di Asia Tenggara.

"Selangor mempunyai visi untuk menjadikan sektor Bioteknologi sebagai pemacu utama ekonominya. Selangor Biotechnology Action Plan 2021-2030 membentuk tadbir urus berkaitan bioteknologi untuk memutuskan dasar, melaksana serta memantau strategi dan inisiatif sektor bioteknologi di Selangor," katanya. – UPM

## Lawatan kerja Ketua Menteri Sarawak perkukuh peranan Hab Penyelidikan Sumber Hutan UPMKB

Oleh : Mohammad Nazry Hisham  
Foto oleh : Mohammad Izrul Abdul Jabar



**BINTULU** – Lawatan Kerja Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg ke UPM Kampus Bintulu (UPMKB), Sarawak telah berlangsung pada 10 Disember 2021. Beliau diringi, Menteri Utiliti Sarawak Dato Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom dan Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sarawak (Integriti dan Ombudsman), Datuk Haji Talib Zulpilip.

Turut hadir pada lawatan tersebut, Pengurus Lembaga Pengaruh UPM, YAM Tengku Syarif Laksamana Perlis, Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail dan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman.

Tiga puluh tahun yang lalu, Datuk Patinggi telah menanam pokok spesis Belian (Eusideroxylon Zwageri) sebagai simbolik penanaman pokok di tapak Projek Pemuliharaan Hutan ketika beliau memegang jawatan Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak pada 15 Julai 1991.

Ketika lawatan kerja itu, Datuk Patinggi bersama Pengurus LPU dan Naib Canselor UPM sekali lagi menanam pokok spesis yang sama dan pada kali ini sebagai Ketua Menteri Sarawak pula.

UPM telah menyampaikan bingkai gambar kenangan Ketua Menteri Sarawak ketika beliau menanam pokok Belian 30 tahun lalu dan juga perkongsian Buku Pelan Strategik UPM 2021-2025.

Beliau turut berkunjung ke Mini Pameran UPMKB di Dewan Sidang serta menandatangi plak sebagai simbolik Lawatan Kerja ke UPMKB.

Sebelum memulakan Lawatan Kerja ini, Ketua Menteri Sarawak telah merasmikan pembukaan Persidangan "The International Conference On Forest Resources Management 2021" yang dianjurkan oleh UPMKB bersama rakan kolaborasi di Hotel Promenade, Bintulu.

Ketika majlis perasmian itu, Ketua Menteri Sarawak mengumumkan peruntukan dana Hub Penyelidikan Sumber Hutan kepada UPMKB sebanyak RM10.95 juta.

Peruntukan dana hub penyelidikan dari Kerajaan Negeri Sarawak ini menyokong serta memperkuatkan lagi hala tuju UPM berdasarkan Pelan Strategik UPM 2021-2025 pada matlamat keduanya iaitu; Mewujudkan Hub Penyelidikan dan Inovasi yang Menjanjakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari. – UPM



# Pelan Strategik UPM 2021–2025 dilancar, jadi pemangkin aspirasi pendidikan tinggi negara

Oleh : Azman Zakaria

Foto oleh : Sabri Omar & Saleha Haron



SERDANG, 3 Dis – Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad melancarkan Pelan Strategik Universiti Putra Malaysia (UPM) 2021–2025 hari ini, yang menurutnya juga sebagai pemangkin kepada hala tuju dan aspirasi sektor pendidikan tinggi negara.

Katanya, antara faktor kejayaan sektor pendidikan tinggi negara adalah tahap kesiapsiagaan dan perancangan strategik oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) ke arah kecemerlangan.

Justeru, katanya, kementerian sentiasa menyokong usaha IPT khususnya universiti awam dalam merencana masa depan institusi

masing-masing dengan perancangan yang tersusun melalui dasar atau polisi yang berdasarkan pembuktian atau 'evidence-based policy'.

"Sebagai salah sebuah universiti penyelidikan dan universiti bereputasi antarabangsa, Pelan Strategik UPM ini sangat penting sebagai dokumen yang dapat menentukan hala tuju kecemerlangan universiti untuk sekurang-kurangnya lima tahun mendatang," katanya ketika melancarkan Pelan Strategik UPM 2021–2025, di sini. Majlis pelancaran itu bertemakan 'Evolusi Keunggulan 50 Tahun UPM.'

Turut hadir Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Shaharuddin Abu Sohot dan Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman.

Lima matlamat Pelan Strategik itu ialah melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang, mewujudkan hab penyelidikan

dan inovasi yang menjanakan nilai berteraskan ekosistem lestari, melestarikan ekosistem jaringan industri dan masyarakat, memperkasakan pertanian dan ketahanan sekuriti makanan, serta memperteguh tadbir urus institusi, kemampunan kewangan dan amalan kelestarian hijau.



Dato' Dr. Ahmad Masrizal berkata, matlamat Pelan Strategik itu jelas akan mendukung UPM mencapai hasrat dan matlamat penubuhannya sebagai sebuah Menara Ilmu yang disegani.

Katanya, beliau menyokong usaha UPM melalui Pelan Strategik itu untuk terus

mendaulat agenda pertanian, seiring dengan bidang tujuan dan kebitaraan UPM.

"Oleh itu, amat wajarlah hala tuju pertanian, khususnya pertanian berteknologi tinggi diangkat sebagai salah satu matlamat utama dalam Pelan Strategik UPM agar

universiti dapat memainkan peranan yang lebih strategik bagi memacu dan memperkasakan pertanian dan ketahanan sekuriti makanan negara," katanya.

Beliau berkata, Pelan Strategik itu juga terus menyokong

hasrat kementerian untuk memperkasa aspek pendigitalan, yang diterjemahkan melalui objektif melagang kampus pintar dan pendigitalan.

Katanya, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh UPM seperti Smart Putra®Future Classroom, Smart Putra®VDI Lab, menjadi IPT pertama

melaksanakan Digital ID melalui Putra®VID, kemudahan satu server satu pelajar yang dikenali sebagai Smart Putra®One Server, dan kemudahan Internet berkelajuan tinggi melalui inisiatif Smart Putra®Premium.

"Ini adalah satu anjakan besar yang memberi cabaran baharu kepada kita semua khususnya dalam konteks IPT. Kita perlu sentiasa cakna dan bersedia untuk melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing," katanya.

Katanya, Pelan Strategik itu juga memberi fokus usaha untuk meningkatkan aspek kebolehpasaran graduan yang bukan sahaja memenuhi keperluan nasional tetapi juga berupaya meletakkan nama Malaysia di peta dunia dalam menyediakan insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Justeru, beliau mahu warga UPM menghayati dan melaksanakan pelan strategik ini dalam semangat kekeluargaan dan kekitaan yang tinggi. – UPM

## Inisiatif UPM Putra Cakna bukti rakyat di hati siswa, galak pelajar dalam aktiviti sukarelawan



PUCHONG, 24 Dis – Universiti Putra Malaysia (UPM) menghantar Misi Sukarelawan Bantuan Mangsa Banjir terdiri daripada 200 pelajar ke lokasi banjir di di sekitar Puchong, Subang, Petaling dan Sungai Buluh, Selangor.

Menteri Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata beliau berharap misi sukarelawan itu dicontohi oleh semua pihak terutamanya pelajar IPT bagi membangkitkan keprihatinan serta semangat kesukarelawan pelajar.

"Saya berbangga dengan semangat sukarelawan UPM dan kita harus membantu sedaya upaya dalam misi pembersihan rumah mangsa-mangsa banjir di kawasan tersebut yang secara langsung dapat menggembirakan mereka yang terkesan dengan musibah banjir," katanya.

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata penglibatan pelajar UPM sebagai sukarelawan itu adalah selaras dengan hasrat Pelan Strategik UPM 2021–2025 pada Matlamat I: Melahirkan watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang serta kesejahteraan

komuniti setempat pada Matlamat ke-3: Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri Dan Masyarakat.

"Penglibatan pelajar UPM dalam misi sukarelawan itu secara langsung akan memberi pendedahan kepada pelajar bagi memupuk sifat kepimpinan untuk berbakti serta mengukuhkan jaringan sosial terhadap masyarakat bagi nilai tambah dalam diri pelajar," katanya.

Turut hadir, Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment (WAZAN), UPM, Prof. Madya Dr. Mohd Daud Awang; Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UPM, Nuruliman Ibrahim dan Felo Bersekutu (Perhubungan dan Kebajikan), Pejabat Naib Canselor UPM, Bukryman Sabri.

UPM turut memberikan hasil keluaran iaitu sayur-sayuran dan buah-buahan dari Pusat Pertanian Putra yang digunakan dalam penyediaan makanan untuk diedarkan kepada mangsa banjir.

Selain itu, Pusat Islam, UPM dengan kerjasama Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM dan Sahabat Masjid UPM telah berganding bahu

mengatur satu inisiatif keprihatinan bagi membantu mangsa banjir dengan mewujudkan Program Dapur Rezeki @UPM yang beroperasi sehingga 26 Disember 2021.

Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA) dengan kerjasama Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), UPM, dan Persatuan Doktor Veterinar Haiwan Kesayangan Malaysia (MSAVA) pula melancarkan misi kecemasan dan perubatan bagi membantu haiwan yang terkesan dengan banjir di kawasan Shah Alam dan Taman Sri Nanding, Selangor.

Sumbangan makanan haiwan dan keperluan peralatan perubatan disumbangkan oleh pelbagai agensi dan syarikat seperti Petworld, Hill's, Royal Canin, KM Vet Pharm dan Fakulti Perubatan Veterinar, UPM. – UPM



# Pelan Strategik UPM 2021-2025 berpandukan tujuh dokumen penting



Oleh : Azman Zakaria  
Foto oleh : Saleha Haron

**SERDANG :** Pelan Strategik UPM 2021-2025 dibentuk dengan merujuk tujuh dokumen penting yang mempunyai perkaitan dengan institusi pengajian tinggi serta perkara yang dapat disumbangkan oleh UPM dalam mencapai matlamat dan hala tuju negara dan dunia.

Dokumen itu adalah matlamat Sustainable Development Goals (SDGs) yang dikeluarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Dasar Agromakanan Negara dan Dasar Komoditi Makanan, Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Penarafan Antarabangsa, dan Naratif Naib Canselor.

Pengarah, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman berkata, proses penyediaan draf dokumen Pelan Strategik itu bermula dengan analisis pencapaian Pelan Strategik

UPM 2014-2020, semakan visi, misi, matlamat, objektif strategik dan sasaran sedia ada, serta senario pengajian tinggi semasa dan masa hadapan.

"Kita membuat analisis kekuatan dan pencapaian UPM dan mengkaji semula Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang lalu, dan melihat faktor dalaman dan luaran seperti teknologi dan ekonomi untuk terus berdaya saing," katanya.

Beliau berkata, lima matlamat Pelan Strategik UPM 2021-2025 itu dibina dengan melihat kepada semua indikator berkenaan, serta penglibatan sama UPM dalam usaha global pembangunan mampan seiring matlamat SDGs.

Prof. Dr. Azmawani yang juga Pengurus Jawatankuasa Teknikal Pelan Strategik UPM 2021 - 2025 berkata, matlamat itu juga seiring Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang diperkenalkan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang terus membangun secara mampan.

Katanya, pembentukan Pelan Strategik UPM 2021-2025 turut merujuk kepada RMK-12 yang memperkenalkan tiga tema iaitu menjana semula ekonomi; memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti; dan melonjakkan kemampaman.

Seiring dengan kebitaranan UPM dalam bidang pertanian, Pelan Strategik itu turut merujuk kepada Dasar Agromakanan Negara dan Dasar Komoditi Makanan, dengan penumpuan kepada transformasi pertanian melibatkan penggunaan teknologi tinggi.

Ia juga merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Penarafan Antarabangsa dan Naratif Naib Canselor.

"Setiap matlamat mempunyai sasaran, dan diperincikan untuk sasaran lima tahun akan datang," katanya. – UPM


**“ Kita membuat analisis kekuatan dan pencapaian UPM dan mengkaji semula Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang lalu, dan melihat faktor dalaman dan luaran seperti teknologi dan ekonomi untuk terus berdaya saing ”**

## KOMPONEN PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025

Pelan Strategik ini terbahagi kepada empat komponen utama, iaitu matlamat, objektif strategik, pengukuran prestasi dan inisiatif utama. Lima matlamat telah dikenal pasti sebagai sasaran utama yang hendak dicapai oleh universiti menjelang 2025. Ia dilengkapi dengan penetapan objektif strategik dan pengukuran prestasi secara khusus yang menilai prestasi untuk lima tahun yang akan datang. Pencapaian semua matlamat ini berpaksikan pelaksanaan inisiatif utama yang telah disenaraikan mengikut objektif strategik.

## PELAN STRATEGIK 2021-2025





#### Petikan Ucapan Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman di Majlis Pelancaran Pelan Strategik UPM 2021-2025

“Besar harapan saya agar Pelan Strategik UPM 2021-2025 ini dapat dihayati seterusnya dilaksanakan oleh semua warga universiti termasuk para alumni atas semangat Keluarga UPM. Saya percaya jika Pelan Strategik ini disokong dan didukung semua pihak, kita akan dapat sama-sama merealisasikan semua hasrat dalam pelan ini. Bak kata pepatah, ‘Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat’.”



Profesor Dr. Mohamad Fazli Sabri  
Dekan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

"Matlamat Pelan Strategik UPM 2021-2025 dengan jelas menetapkan misi iaitu 'memberi sumbangan bermakna kepada pembentukan kemakmuran dan pembangunan negara serta kesejahteraan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu'. Keseimbangan bidang sains dan teknologi serta sains sosial dilihat penting kini bagi memastikan hasrat ini tercapai. Akademia terutamanya dalam bidang sains sosial diharap dapat membudayakan penyelidikan terkhdapan yang berteraskan pembangunan manusia."



Saliza Mustafa  
Ketua, Bahagian Governan & Integriti (BGI),  
Pejabat Pendaftar, UPM

"Kesinambungan kecermerlangan UPM haruslah diperteguhkan dengan tahap keupayaan sumber manusia yang ada bagi menggembangkan usaha untuk memacu mencapai visi dan misi universiti. Pengukuhan latihan dan pembangunan bakat berteraskan Competency-Based Talent Management (CBTM) merupakan satu pendekatan terbaik pada masa kini untuk mengenal pasti, menilai, membangun dan menyediakan kelompok bakat berteraskan kompetensi bagi memenuhi keperluan universiti."



Ts. Dr. Mohd Zairul Mohd Noor  
Ahli Jawatankuasa Pelan Struktur dan Tindakan Fizikal Kampus Hijau dan Lestari, UPM

"Warga UPM haruslah bersama-sama menggembangkan tenaga bagi menyokong segala usaha yang dirancang bagi membudayakan kelestarian dan memupuk budaya hijau di kampus tercinta UPM. Gaya hidup hijau adalah antara perkara yang menjadi keutamaan di dalam kampus UPM serta mencerminkan komitmen terhadap membudayakan kampus hijau."

# Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendaratang



Oleh : Muhammad Huzaifi Ismut  
Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2020/2021 UPM

Pelan Strategik Universiti Putra Malaysia 2021 – 2025 merupakan sebuah dokumen perancangan yang dibangunkan dalam jangka masa lima tahun bertujuan bagi meneruskan legasi kecemerlangan universiti.

Lima matlamat utama yang digariskan ialah Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendaratang, Mewujudkan Hab Penyelidikan dan Inovasi yang Menjanjakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari, Melestarikan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat, Memperkasakan Pertanian dan Ketahanan Sekuriti Makanan serta Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampaman Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau.

Jika dilihat dari sudut hierarki, UPM telah meletakkan kemenjadian graduan sebagai matlamat yang pertama dan utama.

Mahasiswa merupakan pihak berkepentingan (*stakeholders*) terbesar dalam sesebuah institusi pendidikan. Oleh itu, selayaknya perihal graduan diletakkan sebagai fokus utama dalam mencapai matlamat Pelan Strategik ke arah memperkuuhkan universiti sebagai Menara Ilmu.

Dalam usaha ke arah mencapai matlamat pertama, pentingnya untuk kita memahami terlebih dahulu sejauh manakah kemampuan graduan dalam menghadapi cabaran yang wujud pada masa kini untuk kita mempersiapkan graduan supaya kelak mereka sudah bersedia untuk mendepani segala rintangan yang jauh lebih besar di hadapan.

Sehubungan dengan itu, empat objektif strategik telah diletakkan dalam usaha ke arah mencapai matlamat pertama, iaitu; Memperkuuh Jati Diri, Perpaduan dan Semangat Patriotisme Selari Dengan Aspirasi Nasional, Membentuk Watak dan Potensi Graduan Yang Holistik, Menambahkan Nilai dan Meningkatkan Keberkesanan Program Akademik Sepadan Dengan Keperluan Semasa dan Melahirkan Pelajar Yang Kompeten dan Berdaya Saing Peringkat Global.

Pengukuhan jati diri, perpaduan dan semangat patriotisme adalah sebuah proses yang berpanjangan dan memerlukan usaha secara kolektif daripada pelbagai pihak supaya objektif ini tercapai.

Pengukuhan nilai insaniah ini dapat direalisasikan melalui pemerksaan program-program yang berteraskan penerapan jati diri dan semangat patriotik sama ada penganjurannya adalah daripada pelajar sendiri maupun entiti atau PTJ di UPM.

Antara program-program yang dimaksudkan seperti Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat Universiti, Program Pidato Negaraku dan Program Kesukarelawanan dengan kerjasama NGO luar. Melalui program – program seperti ini, aspek insaniah dapat diterapkan dalam diri pelajar.

Objektif strategik yang ketiga mampu untuk dicapai melalui inisiatif yang berterusan seperti memantapkan sistem pengurusan akademik pascasiswazah dan prasiswazah yang lebih komprehensif dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif merangkumi hospitaliti seperti infrastruktur, makmal, hostel dan wifi.

Di samping itu, perancangan yang teliti dalam meningkatkan kualiti akademik graduan perlu bergerak seiring dengan sistem pengurusan akademik yang cemerlang.

**“ Mahasiswa merupakan pihak berkepentingan (*stakeholders*) terbesar dalam sesebuah Institusi Pendidikan. Oleh itu, selayaknya perihal graduan diletakkan sebagai fokus utama dalam mencapai matlamat Pelan Strategik ke arah memperkuuhkan universiti sebagai Menara Ilmu. ”**

Selain itu, rakan strategik universiti perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan jalinan kerjasama terhadap program mobiliti ini.

Tuntasnya, usaha dalam melahirkan graduan berdaya tahan yang mampu mendepani cabaran mendatang bukanlah suatu perkara yang mudah. Semestinya, peranan pemimpin pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Perwakilan Kolej (MPK), Presiden Fakulti dan Kelab dan Persatuan adalah penting bagi memastikan hasrat dapat ini dijawai oleh kesemua lapisan pelajar. – UPM



Objektif yang terakhir adalah bagi melahirkan pelajar yang kompeten dan berdaya saing peringkat global. Pengembangan usaha secara kolektif perlu digerakkan oleh semua pihak bagi merealisasikan objektif murni ini.

Antara usaha yang perlu diberi fokus adalah melalui pemerksaan program-program yang berkonsepkan mobiliti inbound maupun outbound.



## University Branding Through Marketing of Innovation



By: Dr. Rosmiza Bidin  
Faculty of Modern Languages and Communication, UPM

The Malaysian higher education sector has developed rapidly since 1990, with currently 20 public universities and 47 private universities offering a variety of courses. Based on the competitive global and regional current market for higher education, universities need to develop a competitive advantage based on a set of unique characteristics and communicate to the relevant stakeholders.

This sector witnesses greater changes during the past decades: it has become a global business in which education has turned into a service marketed worldwide. It has moved towards a business-like, competitive model of operation which contradicts the traditional role of universities as independent institutions, creating and disseminating autonomous knowledge.

Five of the 20 public universities in Malaysia have been assigned research university status with additional funding for research and development, and commercialization of research. The remaining 15 public universities have been categorized as either comprehensive or focus universities. This move is aimed at encouraging excellence among local institutions of higher learning.

Every university needs a brand and an image that can be trusted and believed and that will differentiate it from others. In this competitive higher education markets, the value of a distinctive corporate identity serves as a strategic resource. Universities and other institutions of higher education must compete to attract high-quality students and academic staff at an international level. Hence, competition is no longer limited within national borders.

As education and training become a global business sector, education marketing is developing standards more akin to consumer goods marketing. This transformation may be called “marketization of academic discourse” which refers to the general reconstruction of social life on a market basis and the incorporation of higher education into the commodity market. As a result, a highly promotional discourse has been colonizing universities which were previously unrelated to the economy.

In this prevalent competitive and dynamic environment, it is also important to note that considering only the customers and competitors are not enough. In addition to collecting information on customers and competitors, information needs to be generated regarding essential environmental factors, such as economy, socio culture and technology as well as regarding stakeholders other than customers.

Collecting and disseminating information is useful in innovatively designing university products and services that can meet customers' expectations and preferences. These processes relating to market orientation (i.e., intelligence generation, intelligence dissemination and organization wide responsiveness) facilitate innovativeness in higher institutions, which in turn positively influence business performance. – UPM

**“ This transformation may be called “marketization of academic discourse” which refers to the general reconstruction of social life on a market basis and the incorporation of higher education into the commodity market. ”**



# UPM researcher receives prestigious grants to study brain diseases using patients' stem cells

By : Azman Zakaria



**SERDANG :** A researcher from Universiti Putra Malaysia (UPM), Assoc. Prof. Dr. Michael Ling King Hwa, received two prestigious international awards - the International Brain Research Organization (IBRO) Return Home Fellowship 2021 and the International Society for Neurochemistry Return Home Grant Award 2021 - making him as the first Malaysian researcher to have been awarded the awards simultaneously.

The awards which come with grant allocations, are given to those selected after undergoing postdoctoral training in a developed country and returning to their home country to conduct studies and researches.

Assoc. Prof. Dr. Michael Ling underwent postdoctoral training at the Harvard Medical School, Harvard University, USA, from 2016 to 2018, and was seconded from 2018 to 2020, making him qualified for the fellowship and grant. He returned to Malaysia early this year.

The International Brain Research Organization (IBRO) Return Home Fellowship allocates a grant of EUR20,000 (approximately RM95,000), while the International Society for Neurochemistry Return Home Grant Award is worth USD10,000 (approximately RM41,600).

Assoc. Prof. Dr. Michael Ling, who is a lecturer from the Department of Biomedical Sciences, Faculty of Medicine and Health Sciences, UPM, will conduct preliminary research related to brain diseases.

He will conduct research on brain organoids related to Down Syndrome using cerebral organoids.

He said the research involved growing organs outside the body

using patients' stem cells.

"Patients' stem cells are harvested and grown into organoids," he said.

Assoc. Prof. Dr. Michael Ling also said using patients' stem cells would result in more accurate observation of the disease mechanisms than using animal models.

He said research through the organoid system model would allow the occurrence and process of the disease to be known fast because the model uses cells from the patients themselves, which can be compared with cells from healthy people.

"Therefore, we can find disease mechanisms for treatment purposes such as developing treatment methods and related drugs.

"The organoid system model will enable us to learn about the disease as a whole - it is like a 'jigsaw puzzle' where we can build organoids for different organs such as the brain, spinal cord and muscles.

"All three are systemic organoids, and we can study the effects of the disease as a whole and not just based on a single organ or group of cells. This is the direction for the future," he said.

He said many existing researches used living animals as models, namely mice, but since they were not human, the observations from animal models could not be translated directly to humans.

"Now, we are studying organoids growing from human stem cells which are more relevant to human biology and more accurate. In the future, it can replace the use of animal models in research," he added.

Apart from Down Syndrome, he said other brain-related diseases studied through brain organoids include senility, dementia, schizophrenia, hallucination, bipolar disorder and depression.

"Down Syndrome causes intellectual disability. Thus, to know the process of brain

development, we use the organoid system to find out what leads to the intellectual disability," he said.

He hopes that the government would provide financial assistance in the field of research so that more researchers could explore the field in line with the development of technology to be on par with developed nations. - UPM



## UPM committed to be a leading green campus university

By : Nazrul Rapail

**SERDANG, 24 Nov** - Universiti Putra Malaysia (UPM) is committed to improving its performance and status as the leading green campus in the country, said its Vice-Chancellor, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman.

In this regard, he said UPM would continue to support the agenda for Sustainable Development Goals (SDGs) with full cooperation from its campus community.

The success of UPM, which had been ranked 28th in the UI-GreenMetric World University Rankings in 2021 and 2022, third in Asia and first in Malaysia, is in line with the aspirations of the United Nations Conference on Sustainable Development (UNSCD).

The United Nations (UN) aims to close the poverty gap and protect the earth and ensure that by 2030, everyone can enjoy peace and prosperity through the agenda for SDGs.

Prof. Dr. Mohd Roslan said the aim of the SDGs by the UN was based on three main principles to achieve good governance, namely efficacy, accountability and inclusivity.

He said an effective administration was measured through achievements attained by an organisation, in taking care of the well-being of staff and stakeholders.

"The well-being of staff and stakeholders if well taken care of will lead to a positive and harmonious environment which in turn will help improve the quality of work, services and education," he said.

He said accountability focused on the attitude of individuals' responsibilities towards the organization in trustworthiness and integrity. At the same time, inclusivity is important in unifying the community because no one should be marginalised despite the differences in gender or status.

He said the agenda for SDGs was comprehensive as it emphasized on many aspects, including economic growth, social development and environmental protection. - UPM

## Oysters at Muar River estuary confirmed as new species, not found in other parts of the world

By : Azman Zakaria

Photo by : Noor Azreen Awang



**SERDANG :** A species of oyster found at the estuary of the Muar River in Johor, has been confirmed as a new discovery, not found in other parts of the world, and has been named *Crassostrea (Magallana) saidii*.

A research collaboration between Universiti Putra Malaysia (UPM) and Queen's University Belfast confirmed that the species had not been found in other parts of the world.

The species, known as 'white oyster', is known among the locals and fishermen because of its high quality and creamy white meat.

It is more popular with oyster enthusiasts than the *Crassostrea belcheri* (Axe Oyster) species which can also be found at the estuary of the Muar River. The Axe Oyster species has a broad shell with the meat greyish brown.

Researcher, Dr. Nur Leena Wong, from the International Institute of Aquaculture and Aquatic Sciences (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia (UPM), said the *Crassostrea (Magallana) saidii* specimen was identified by local fisherman and confirmed through DNA testing.

The species caught the attention of Dr. Nur Leena when a resident of Muar, Md Saidi Mohamed, contacted UPM in 2017 about the problem of the declining oyster population at the estuary of the Muar River.

She said that as a result of Md Saidi's efforts in preserving the natural heritage, the UPM team was able to understand the biology and ecology of the unique species better.

"Although the oyster species are difficult to identify through external morphology, experienced local oyster divers can easily identify them."

"I am impressed with the accuracy of oyster divers in distinguishing the oyster species from the others. The specimen identified by local fishermen was confirmed through DNA testing, thus proving the high level of knowledge and expertise possessed by the locals which had led to the scientific findings," she said.

According to her, the unique method of 'oyster diving' to harvest oysters in the Muar River was published in the journals of a British Captain as early as 1858, and the method was still practised to this day. The bottom river oyster farming at the estuary of the Muar River is known as a famous heritage spot.

She said a 20 feet (6.1 meter) long mangrove pole (kayu bakau) would be piled into the riverbed next to the boats, and divers would dive down adjacent to the poles and pick up oysters at the riverbed using their bare hands.

White oysters of premium species were once consumed as delicacies for the royal families as well as senior officials, they were exported to the market in Singapore in the early 1990s.

Dr. Nur Leena, who is also Senior Lecturer at the Department of Aquaculture, Faculty of Agriculture, UPM, and Head of the Museum and Herbarium Unit, said the oyster was named *Crassostrea (Magallana) saidii* in recognition of Md Saidi's efforts to promote research and conservation of the oyster species.

She said the joint research by her (Dr. Nur Leena) and fellow researcher from Queen's University Belfast, Dr Julia Sigwart, commenced with a sample collection in 2017 before a study on reproductive cycle biology was held in 2018 and 2019.

She said they collected and compared data with collections of oysters related data found in museums in the United Kingdom as well as species found in Asia. There was no DNA records similar to the white oysters found at the estuary of the Muar River.

She said they were surprised that after more than 160 years of the oysters being known and harvested commercially at the estuary of the Muar River, it still had no scientific name.

Thus, they sent the research paper of the study's findings last year to a German-based journal, Marine Biodiversity. On October 12, 2021, the scientific name *Crassostrea (Magallana) saidii* for the oyster was acknowledged.

Dr. Nur Leena said the focus of the research now was on the seeding of oysters through the aquaculture approach for reproduction purposes.

She said studies were also conducted to identify the most suitable water quality and salinity rate of water for the breeding of *Crassostrea (Magallana) saidii*.

She said at present, the oysters only live in the estuary of Sungai Muar with a water salinity range of 8 to 25 PPT. Such oysters cannot live in seawater.

"The conservation of this small population of oysters is essential to ensure its sustainability," she said. - UPM



# Pensyarah UPM terima Geran Anugerah Merdeka 2021

Oleh: Noor Eszereen Juferi



KUALA LUMPUR, 26 Nov – Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Wan Nor Fitri Wan Jaafar menerima Geran Anugerah Merdeka bagi Penempatan Antarabangsa (MAGIA) edisi ke-8 (2021).

Beliau adalah antara lima orang yang menerima anugerah itu.

Ia disampaikan Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Nazrin Muizzuddin Shah selaku Pencanang Diraja Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka. Turut berangkat ke majlis itu Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Anugerah diadakan dengan kerjasama Petronas, Shell dan ExxonMobil.

Penyampaian Anugerah Merdeka edisi ke-12 (2020) turut diadakan bagi meraikan penerima tahun lalu kerana tiada acara penyampaian fizikal akibat pandemik COVID-19.

Dr. Wan Nor Fitri berkata pemilihan beliau untuk ke Centre of Conservation Genomics, Smithsonian's National Zoo dan Conservation Biology Institute di Washington bertujuan menjalankan latihan makmal bagi teknik pengklonan dan sel stem dalam pembiakan hidupan liar.

Katanya, hidupan liar seperti harimau yang populasinya amat kritikal adalah antara spesies yang utama bagi memperoleh manfaat daripada teknologi berkenaan.

"Idea asal penyelidikan ini timbul dari kepupusan Badak Sumatera pada tahun 2019. Pelbagai usaha oleh kerajaan Malaysia diusulkan bagi memastikan kelangsungan badak, namun belum kesampaian antaranya dalam bidang molekular: sel stem dan pengklonan.

"Saya percaya dan berharap masih belum terlambat untuk kita sama-sama menyelamatkan harimau Malaya dan menggembungkan tenaga ke arah kelestarian hidupan liar di Malaysia," katanya.

Lawatan penyelidikan beliau ke Amerika Syarikat, India dan Indonesia akan dijalankan pada 2022 dan 2023.

MAGIA diperkenalkan pada 2012 bagi membantu generasi muda Malaysia membina kepakaran dengan mengikuti pengalaman pembelajaran di institusi atau organisasi antarabangsa melalui penempatan selama tiga bulan. – UPM



# Prof. Dr. Nazamid dilantik TNCPI UPM

Oleh: Noor Eszereen Juferi

SERDANG – Kementerian Pendidikan Tinggi mengumumkan pelantikan Prof. Dr. Nazamid Saari sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, berkuatkuasa pada 25 Oktober 2021 hingga beliau bersara wajib pada 19 September 2023.

Portfolio yang akan dipegang oleh beliau adalah mengetuai pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) serta menguruskan hal ehwal penyelidikan universiti dan pengkomersialan hasil penyelidikan. Pelantikan beliau bagi menggantikan Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus yang telah menamatkan khidmat beliau sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM selama 3 tahun sehingga 14 April 2021.

Prof. Dr. Nazamid yang dilahirkan pada

20 September 1963 di Padang Rengas, Perak merupakan pakar bioteknologi dan enzimologi makanan mendapat ijazah Bachelor Sains dan Teknologi pada 1986, Ijazah Sarjana Biokimia Makanan dari Saga University, Jepun pada 1993, dan Doktor Falsafah (PhD) dari Kagoshima University, Jepun pada 1996. Beliau menyertai Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM pada 1996 sebagai pensyarah, dan dinaikkan pangkat kepada Profesor Madya pada 2001, seterusnya Profesor penuh pada 2008.

Beliau pernah mengetuai Unit Perundingan Fakulti pada 1998 dan sebagai Ketua Jabatan Sains Makanan pada 2001 sehingga 2003, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM pada 2003 hingga 2011 dan



Prof. Dr. Nazamid Saari

Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik (CAPE), UPM pada 2013 hingga 2016.

Beliau berkhidmat sebagai Editor Bersekutu untuk Frontiers in Sustainable Food Systems, iaitu jurnal yang memfokuskan kepada Sustainable Development Goals (SDGs) selaras dengan pelan tindakan untuk mencapai masa depan yang lebih baik di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Beliau juga adalah Honorary Editorial Board Member bagi International

Food Research Journal (IFRJ); mantan pengurus Jemaah Dekan Sains dan Teknologi Makanan di Universiti Awam, dan ahli serta mantan pengurus Jemaah Dekan Sains dan Teknologi Makanan bagi universiti diperingkat ASEAN.

Beliau juga adalah Pengurus Jawatankuasa Pemilih Biasiswa Ajinomoto. Profesor Nazamid telah mengetuai beberapa projek penyelidikan strategik berskala besar termasuk projek penyelidikan berkaian peptida sebagai bahan ramuan makanan dan makanan fungsian melalui geran bernilai RM1.8 juta daripada MOSTI/ABI dan juga geran Teknofund bernilai RM1.8 juta bagi pembangunan SME susu tablet. Penyelidikan beliau telah mendapat banyak anugerah sama ada di peringkat national maupun antarabangsa. – UPM

# 21 warga UPM terima anugerah Fellowship Naib Canselor

Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto oleh : Sabri Omar



SERDANG, 2 Nov – Seramai 21 warga Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima anugerah Fellowship Naib Canselor yang disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman pada Majlis Gemilang Akademia Putra (MGAP) 2019.

MGAP adalah penghargaan dan pengiktirafan universiti terhadap warganya yang memperkenan kecemerlangan atas usaha penerokaan dan pengembangan ilmu serta perkhidmatan pendidikan bagi menjulang pembudayaan ilmu.

Anugerah Fellowship Naib Canselor (Anugerah Khas Akademia Putra) diterima oleh Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus dari Fakulti Pertanian dan Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan. – UPM